

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi membantu golongan belia yang dikenakan CCRIS tetapi ingin membeli rumah pertama.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, CCRIS merupakan Pusat Sistem Maklumat Rujukan Kredit (*Central Credit Reference Information System*) di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia (BNM). Sistem ini berfungsi untuk memaparkan maklumat kredit peminjam atau peminjam yang berpotensi ke dalam laporan kredit yang seragam. Tujuan CCRIS adalah untuk menyediakan maklumat mengenai keupayaan kredit kewangan peminjam yang diperlukan oleh bank atau bagi tujuan kelulusan pembiayaan.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi sokongan kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk menyediakan pendidikan kewangan serta sesi kaunseling kepada bakal pembeli dan pemohon yang berminat untuk memiliki rumah termasuk golongan belia. Program yang disediakan AKPK adalah melalui modul-modul seperti berikut:

NO SOALAN : 4

- i. Modul Portal Rumahku 2.0 (Topik Aliran Tunai – Kemampuan Pemilik dan Peminjam Bertanggungjawab dan Hidup Berkomuniti);
 - ii. Modul *Power Family* (Topik Pengurusan Aliran Tunai, Asas Meminjam, Mengurus Hutang); dan
 - iii. Modul Bijak Wang Niaga.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, AKPK akan menyusun pelan pembayaran peribadi khusus untuk individu yang tidak mampu membuat bayaran bulanan kepada bank. Individu akan menghadiri sesi kaunseling dengan pegawai AKPK, yang akan mengira komitmen kewangan mereka dan seterusnya mengaplikasikan komitmen tersebut kepada pelan penstrukturran yang akan mengambil masa 8 - 10 tahun untuk dibayar sepenuhnya.
4. Pengenalan modul-modul di bawah AKPK ini diharapkan dapat membantu golongan belia yang mempunyai masalah CCRIS untuk memiliki rumah pertama mereka.
5. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga ada memberi beberapa inisiatif antaranya adalah skim:
- i. Program Sewa Untuk Memiliki/ Rent-to-Own (RTO). Dana sebanyak 10 bilion bagi tempoh 5 tahun akan disediakan oleh institusi kewangan untuk ditawarkan kepada rakyat kumpulan B40 dan M40 terendah bagi memiliki rumah mampu milik yang berharga RM500,000 dan ke bawah secara sewaan. Seterusnya bermula pada tahun kedua, penyewa diberi pilihan untuk memiliki hartanah kediaman tersebut setelah memenuhi syarat kelayakan pinjaman perumahan.
 - ii. Program Rumah Transit bertujuan untuk memberi kemudahan penyewaan perumahan secara sementara kepada pasangan

NO SOALAN : 4

muda (belia) yang baru berkahwin bagi mengurangkan beban golongan ini yang berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan bandar.

- iii. KPKT sedang dalam perancangan untuk melaksanakan Program Rumah Transit Belia untuk membantu golongan muda di kawasan bandar mendapat kemudahan kediaman di mana dijangkakan sebanyak 3,648 unit Rumah Transit Belia akan dibina di 3 kawasan iaitu di Mukim Kepong, Mukim Batu dan Pekan Kuang, Daerah Gombak.

Sekian, terima kasih.